

24/06/2005

IDB-PERKEMBANGAN (RANGKUMAN)

IDB AKHIRI MESYUARAT DENGAN MATLAMAT TERUSKAN PERKEMBANGAN UMMAH

Oleh Umi Hani Sharani

PUTRAJAYA, 24 Jun (Bernama) -- IDB, cabang pembiayaan kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), mengakhiri mesyuarat lembaga gabenor ke-30 di sini hari ini dengan matlamat untuk meneruskan perkembangan kukuh bagi kepentingan ummah.

Ia telah menggariskan Wawasan 1440Hnya sendiri ke arah mencapai beberapa matlamat yang telah ditetapkan untuk masyarakat umat Islam.

Dan untuk membantu menjayakannya, bekas perdana menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad telah dipilih untuk melakarkan pelan hala tuju Wawasan 2020 bank berkenaan dalam tempoh 15 tahun akan datang.

Bagi menggalakkan lagi kekukuhan ekonomi kumpulan 56 negara anggota itu, IDB telah meluluskan penubuhan Perbadanan Pembiayaan Perdagangan Islam Antarabangsa bertujuan meningkatkan perdagangan di kalangan negara Islam.

Ia turut mendedahkan rancangan untuk mempunyai Pelan Induk 10 tahun bagi merangsangkan daya saing peranan bank pada mesyuarat agung tahunan lembaga gabenor bank ke-30 itu.

Mesyuarat itu turut mengalu-alukan Nigeria, negara yang kaya dengan minyak sebagai anggota ke-56nya pada hari Khamis.

Bagi menandakan permulaan mesyuarat itu, syiling peringatan Emas, Perak dan Nordic dilancarkan.

Minggu ini, IDB turut meluluskan pembiayaan baru berjumlah AS\$437 juta (AS\$1.00=RM3.80) di negara-negara membangun Islam. Ini termasuklah geran daripada Dana Waqf untuk menyokong enam komuniti Islam di negara bukan anggota.

Ia turut bercadang mengagihkan antara AS\$750 juta dan AS\$800 juta daripada sasaran awal dana AS\$1 bilion yang diperlukan bagi membantu membiayai negara Palestin.

Pada mesyuarat itu, IDB turut meluluskan resolusi untuk membentuk sebuah majlis bagi memudahkan aktiviti-aktiviti teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan program di negara anggota.

Majlis itu yang akan dikenali sebagai Persidangan Pengetahuan dan Teknologi Maklumat Komunikasi untuk Pembangunan (KICT4D), akan memantau peringkat-peringkat pembangunan ICT di negara-negara anggota.

Sementara itu, Malaysia sebagai pengerusi semasa OIC mencadangkan penubuhan Dana Bon Prasarana bernilai AS\$10 bilion dan dana wakaf yang dikenali sebagai Dana Musyarakah Universal (UMF) sebagai sumber baru dana bagi pembangunan di negara-negara miskin.

Pada mesyuarat itu, kebimbangan turut diutarakan oleh beberapa negara yang mengata IDB menawarkan pinjaman yang mahal. Jordan dan Tunisia, adalah antara negara yang meminta dikaji semula syarat pinjaman IDB.

Empat negara bakal tuan rumah mesyuarat tahunan lembaga gabenor IDB telahpun mengesahkan penyertaan mereka dengan Kuwait akan menjadi tuan rumah tahun depan.

-- BERNAMA

UHS SD AA